

Bekal petrol ke 'seberang'

680,200 liter minyak petrol RM5.5j dirampas di Pangkalan Sungai Pegagau, Semporna

Oleh Jwan Riduan
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Satu sindiket penyeludupan minyak petrol ke negara jiran berjaya ditumpaskan dalam serbuan di Pangkalan Sungai Pegagau, Semporna pada Selasa lalu.

Serbuan dijalankan oleh Cawangan Perisikan dan Siasatan Khas (CPSK) Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Bukit Aman bersama Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah itu merampas 680,200 liter minyak petrol bernilai RM5.5 juta.

Sabah Senior Asisten Komisioner Abdul Rani Alias berkata, bertindak atas maklumat, Pegawai Koordinasi Operasi Khas CPSK Bukit Aman bersama pegawai dan anggota Batalion 14 PGA Tawau menjalankan risikan sebelum serbuan dilakukan di kawasan berkenaan.

Katanya, sebaik serbuan dijalankan, pasukan operasi berjaya menahan tujuh individu yang sedang melakukan kerja pemindahan minyak.

"Semua individu yang ditahan berusia lingkungan 26 hingga 42 tahun yang

terdiri daripada kru kapal dan pemandu lori.

"Hasil pemeriksaan mendapati semua minyak yang dirampas adalah sebanyak 680,200 liter minyak petrol bernilai RM5,523,410," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, mereka yang ditahan dan barangan rampasan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

“
Semua individu ditahan berusia lingkungan 26 hingga 42 tahun
Abdul Rani



KAPAL yang digunakan untuk membawa minyak.